



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

HARI KELUARGA DIJADIKAN ACARA TETAP TAHUNAN DI SEMUA KEMENTERIAN DAN AGENSI

KUALA LUMPUR, 9 NOV – Hari Keluarga akan dijadikan sebagai acara tetap tahunan di semua Kementerian dan Agensi peringkat persekutuan dan negeri bermula tahun ini selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri. Ia bagi memperluaskan sambutan November sebagai Bulan Keluarga Kebangsaan (NBKK) di samping menggalakkan pelaksanaan program kesejahteraan keluarga mengikut kapasiti agensi berkenaan.

Turut diuar-uarkan adalah Inisiatif Tuntutan Pembiayaan Kursus Pembangunan Keluarga dan Keibubapaan Sektor Swasta serta Inisiatif Percutian dan Jualan Promosi Keluarga. Kerajaan menyokong penuh dan mengharapkan lebih ramai majikan memberi peluang kepada pekerja mereka untuk menghadiri kursus-kursus pembangunan keluarga dan kemahiran keibubapaan. Tawaran ini dibuka sepanjang November mulai tahun ini. Melalui inisiatif ini, majikan boleh membuat tuntutan semula pembiayaan kursus tersebut ke atas caruman levi melalui *Human Resources Development Corporation* (HRD Corp). Pelaksanaan aktiviti hari keluarga dan program kesejahteraan keluarga di tempat kerja sepanjang November ini dilihat dapat mengimbangi kehidupan bekerjaya dan berkeluarga serta menyumbang kepada persekitaran dan kesihatan mental yang lebih baik.

YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim turut memberi jaminan Kerajaan MADANI di bawah pimpinannya akan terus komited memperkasa institusi kekeluargaan di negara ini dari aspek fizikal, nilai, moral dan kerohanian. Perkara ini dizahirkan dalam ucapan perasmian beliau yang dibacakan oleh YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail sempena pelancaran sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2024 yang berlangsung di Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur.

KPWKM melalui LPPKN turut memperkenalkan konsep Rumah KASIH MADANI yang menetengahkan agenda keluarga yang kukuh sebagai elemen teras dalam membina sebuah negara Malaysia MADANI. Ia melibatkan empat program khusus iaitu Program Pra-perkahwinan SMARTSTART 2.0, Program KASIH Keibubapaan Digital, Program Kem Naungan KASIH dan Program KASIH Keluarga Ceria. YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yakin empat program khusus ini dapat membantu mengukuhkan pembentukan keluarga yang sejahtera, berdaya tahan dan berperibadi mulia selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

NBKK pada tahun ini turut memberikan Anugerah Mesra Keluarga bagi Sektor Korporat dan Pihak Berkuasa Tempatan. Telekom Malaysia dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah diumumkan sebagai penerima Anugerah Mesra Keluarga kali ini. Ia sebagai pengiktirafan dan galakan kepada sektor korporat dan pihak berkuasa tempatan yang menyokong usaha memperkenalkan polisi dan program mesra keluarga bukan sahaja di tempat kerja malah memperbanyak aktiviti seumpamanya di peringkat komuniti setempat.

Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan yang berlangsung pada 9 dan 10 November membawakan pelbagai aktiviti menarik untuk seisi keluarga seperti KASIH *Family Fun Run*, Rumah KASIH MADANI, Jualan Agro MADANI, aktiviti perkelahan dan sukan keluarga serta permainan kanak-kanak Supaa Doopa.

Turut hadir, YB Dato' Seri Dr. Noranini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWK, YBhg. Dato Sri Rohani Abdul Karim, Pengerusi LPPKN dan YBrs. Tuan Haji Abdul Shukur Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN.

Maklumat lanjut mengenai sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2024 boleh dilayari menerusi pautan bulankeluarga.lppkn.gov.my

###

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
9 November 2024